

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK SERI SHAMSUL ISKANDAR @ YUSRE BIN MOHD AKIN [ HANG TUAH JAYA ]**

**TARIKH : 4 OGOS 2020 (SELASA)**

**SOALAN**

**DATUK SERI SHAMSUL ISKANDAR @ YUSRE BIN MOHD AKIN [ HANG TUAH JAYA ]** minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan di dalam ikhtiar untuk membantu pekebun-pekebun kecil komoditi, adakah Kementerian berhasrat untuk melaksanakan subsidi berasaskan ‘output’ iaitu ganjaran mengikut prestasi berbanding subsidi ‘input’.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

Berdasarkan keperluan masa kini, pekebun-pekebun kecil sektor agrikomoditi negara masih berlandaskan bantuan dan subsidi berbentuk input. Oleh yang demikian, Kementerian lebih memberikan fokus kepada pelaksanaan subsidi berdasarkan input. Pemberian bantuan dalam bentuk input akan memastikan pengeluaran yang tinggi. Antara bantuan dan subsidi berbentuk input yang diberikan oleh pihak Kementerian adalah seperti berikut:

- (i) Skim Pinjaman Mudah Tanam Semula Pekebun Kecil Sawit (TSPKS);
- (ii) Skim Pinjaman Mudah Input Pertanian Pekebun Kecil Sawit (IPPKS);

- (iii) Skim Insentif Integrasi Tanaman dengan Sawit (ITA);
- (iv) Skim Insentif Integrasi Ternakan dengan Sawit (ITE);
- (v) Bantuan Insentif Input Pertanian koko;
- (vi) Bantuan Input Pertanian Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRE PRIHATIN 2020);
- (vii) Skim Tanaman Baharu Lada; dan
- (viii) Insentif Tanaman Kenaf bagi pengeluaran benih dan biomass.

Walau bagaimanapun, Kementerian menyedari pendekatan ini perlu dikaji semula untuk meningkatkan motivasi dan hasil pengeluaran pekebun kecil agrikomoditi. Oleh yang demikian, pihak Kementerian juga telah mula melaksanakan pemberian subsidi berdasarkan hasil pengeluaran atau output. Kementerian sentiasa mengkaji insentif-insentif seperti ini untuk ditambah baik dari semasa ke semasa. Dalam hal ini, antara insentif berdasarkan hasil pengeluaran atau output yang telah dilaksanakan oleh pihak Kementerian adalah Insentif Pengeluaran Getah (IPG) dan insentif belian balik batang kenaf dan benih kenaf.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, IPG adalah insentif berbentuk wang tunai yang diberikan kepada setiap pekebun kecil getah berdasarkan jumlah pengeluaran bulanan. Paras Harga Pengaktifan (PHP) IPG adalah RM2.50/kg *cuplump* di peringkat ladang. IPG ini akan dituntut pada bulan berikutnya mulai 1hb sehingga akhir bulan dan hanya akan dibayar kepada pekebun kecil getah yang memiliki Permit Autoriti Transaksi Getah (PAT-G). Secara keseluruhannya, bermula dari 1 September 2015 sehingga 31 Mei 2020, Kerajaan telah membuat pembayaran sebanyak RM317.88 juta bagi 499 ribu tan metrik getah merangkumi hampir 2.23 juta tuntutan di Semenanjung, Sabah dan Sarawak.

Selain itu, pihak Kementerian melalui Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara (LKTN) telah menyediakan insentif belian balik batang kenaf dan benih masing-masing pada kadar RM500/tan dan RM15/kilogram (kg) kepada penanam kenaf. Insentif ini akan ditambah baik dengan pelaksanaan kadar baharu belian batang kenaf kering kepada RM730/tan berbanding RM500/tan iaitu peningkatan sebanyak RM230/tan. Manakala kadar baharu pengeluaran benih pula akan ditingkatkan kepada RM25/kg berbanding RM15/kg iaitu peningkatan sebanyak RM10/kg. Pelaksanaan inisiatif ini akan menjadi pendorong kepada penanam kenaf untuk meningkatkan pengeluaran tanaman dan seterusnya menjana pendapatan yang lebih tinggi.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian juga telah merancang dan memohon peruntukan dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) untuk memperkenalkan Program Rangsangan Pengeluaran Hasil Koko. Insentif ini adalah salah satu strategi untuk menggalakkan pengusaha koko meningkatkan pengurusan kebun yang baik yang seterusnya meningkatkan pengeluaran dan produktiviti hasil ladang. Semakin banyak pengeluaran, semakin tinggi nilai tambahan insentif yang akan diterima oleh pekebun kecil koko. Insentif sebegini dilihat lebih produktif dan efektif dalam memastikan peruntukan Kerajaan yang disalurkan dapat diterima oleh golongan sasar sebenar di samping dapat meningkatkan pengeluaran koko negara.

Kementerian juga sedang dalam usaha merancang dan mengkaji kesesuaian insentif berasaskan output ini untuk komoditi lain. Usaha dan ikhtiar dalam memastikan kebijakan pekebun kecil agrikomoditi serta menstabilkan harga agrikomoditi sentiasa menjadi keutamaan Kementerian.

Sekian, terima kasih.